



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memenuhi syarat Sijil Pematuhan Cukai (TCC) iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus "PATUH" serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p><b>MBMB/SH/2026/26</b></p> <p><b>KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH GUNA PAPAN LED 'VIARABLE MESSAGE SIGNS' SERTA LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b></p> <p><b>PERUNTUKAN : MBMB</b></p> <p><b>TARIKH KELULUSAN : 21/05/2026</b></p> <p><b>NO. FAIL JABATAN : MBMB/JK/00021/73/432</b></p>	<p><b>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b></p> <p>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka); atau</p> <p>Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka); atau</p> <p>Gred G4 (Seluruh Negeri Melaka); atau</p> <p>Gred G5; atau</p> <p>Gred G6; atau</p> <p>Gred G7</p> <p>Kategori ME</p> <p>Pengkhususan E04, E11 &amp; E17</p>	<p><b>HARGA</b></p> <p><b>RM10.00</b> * Tidak akan dikembalikan</p> <p><b>TARIKH</b></p> <p><b>08 Jun 2026 (Isnin) sehingga 15 Jun 2026 (Isnin)</b></p>	<p><b>08 Jun 2026 (Isnin)</b> Jam 9.30 pagi. Berkumpul di Auditorium Bangunan Teknikal, Graha Makmur, MBMB.</p> <p>1. Lawatan tapak adalah <b>DIWAJIBKAN</b></p> <p>2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak</p> <p>3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b></p>	<p><b>TARIKH</b></p> <p><b>15 Jun 2026 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari</b></p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **08 Jun 2026 (Isnin) sehingga 15 Jun 2026 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

**DATUK BANDAR**

**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
 Setiausaha Bandaraya  
 PK  
 Ketua Audit Dalam